

10 DEC 1999

Kabinet-Reaksi

PELBAGAI PIHAK MENYAMBUT BAIK BARISAN KABINET BARU

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Pelbagai pihak termasuk menteri-menteri besar dan ketua menteri dan pertubuhan bukan kerajaan hari ini menyambut baik barisan kabinet baru yang disifatkan sebagai mantap dan mampu membawa negara ke arah kecemerlangan menjelang alaf baru.

Mereka juga berkata barisan muka baru dan muka lama dalam barisan kabinet itu merupakan gandingan yang mampu membantu Dr Mahathir meneruskan kecemerlangan dalam menghadapi cabaran membangunkan negara.

Di Pulau Pinang, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sambil mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata barisan kabinet baru itu adalah kombinasi pemimpin lama yang berpengalaman dan pemimpin baru yang berkepakaran.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada sembilan menteri baru terutamanya bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Tan Sri Musa Mohamad atas plantikan sebagai Menteri Pendidikan.

"Walaupun pelantikan Musa di luar jangkaan ramai, namun ia amat bertepatan memandangkan pengalaman dan kepakarannya sebagai Naib Canselor boleh digunakan untuk menangani isu-isu pendidikan di negara ini."

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata pelantikan Musa amat sesuai dan kena pada masanya kerana bidang pendidikan negara memerlukan seorang ahli akademik profesional yang tidak berpegang kepada mana-mana parti politik untuk mengetuai kementerian itu bagi menghadapi cabaran di alaf baru.

Setiausaha Agungnya, N. Siva Subramaniam berkata pelantikan itu menggambarkan kesungguhan Dr Mahathir untuk merealisasikan hasrat negara sebagai pusat pendidikan serantau.

"Kita berasa bangga sebab Perdana Menteri melantik seorang ahli akademik yang tidak berpihak kepada mana-mana parti politik dan ini akan memberi peluang kepada bidang akademik negara untuk terus berkembang," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Mohamad Ali Rustam pula yakin barisan kabinet baru ini mampu untuk membawa negara ke arah yang lebih cemerlang dengan cara dan acuan sendiri.

Katanya, barisan Kabinet itu mencerminkan kebijaksanaan Dr Mahathir dalam memilih menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri untuk membantu membangunkan negara.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim gembira dan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas pelantikan Datuk Azmi Khalid sebagai menteri Kabinet kerana inilah kali pertama Perlis mempunyai menteri penuh.

"Kerajaan negeri, Barisan Nasional dan rakyat Perlis berterima kasih di atas pelantikan itu," katanya.

Beliau berkata usaha dan cita-cita beliau untuk melihat seorang menteri penuh dari negeri itu tercapai akhirnya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Haji Abdul Hadi Awang sambil mengucapkan tahniah kepada barisan kabinet baru kepimpinan Dr Mahathir, berharap kerajaan negeri dan pusat dapat mejalinkan hubungan yang lebih rapat dan kukuh untuk kebaikan rakyat.

Walaupun tiada wakil dari Terengganu dalam barisan kabinet itu, beliau yakin kerajaan pusat tetap boleh terus mengadakan kerjasama dengan kerajaan

negeri melalui pelbagai cara.

"Tidak adanya wakil dari Terengganu dan Kelantan dalam kabinet baru itu membuktikan kerajaan pusat mengiktiraf kerajaan PAS di kedua-dua negeri itu serta menghormati pilihan rakyat," katanya.

Abdul Hadi berharap kabinet baru itu akan mengakaji semula dasar-dasarnya dengan mengambil kira kehendak rakyat berdasarkan keputusan pilihan raya baru-baru ini bagi membawa kebaikan kepada rakyat keseluruhan.

Di KOTA BAHARU, Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor menyifatkan barisan Kabinet itu sebagai penghargaan kepada negeri-negeri dan parti-parti yang menyumbang kepada kecemerlangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov lepas.

"Saya juga melihat jemaah menteri pada kali ini lebih telus, menyeluruh dan kuat," dan menambah kata yang barisan jemaah menteri itu juga jelas melihatkan usaha mengurangkan politik dalam parti.

Ini dapat dilihat daripada pelantikan Musa yang bukan seorang ahli politik sebagai Menteri Pendidikan.

Beliau berkata walaupun Kelantan dan Terengganu yang dikuasai PAS, tidak mempunyai wakil dalam Kabinet, rakyat negeri berkenaan tidak akan diabaikan oleh kerajaan pusat.

"Kelantan dan Terengganu tidak akan diabaikan... tugas menteri adalah menyeluruh iaitu melibatkan semua negeri," katanya.

Di JOHOR BAHARU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, Kabinet baru itu adalah satu pengiktirafan kepada negeri itu kerana 11 daripada 20 anggota Parlimen dari Johor dilantik memegang pelbagai jawatan dalam barisan Kabinet itu.

Sambil mengucapkan terima kasih, katanya Dr Mahathir telah memberi ruang yang luas kepada golongan muda dari Johor untuk memegang tanggungjawab penting dalam kerajaan.

Di Sabah, Ketua Parti Maju Sabah (SAPP) Richard Yong berkata, pelantikan Tan Sri Bernard Dompok sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah baik dalam usaha membina negara dan ia juga menandakan kembalinya masyarakat Kadazandusun ke arus perdana.

"Peranan yang lebih besar bagi Sabah dalam kerajaan pusat juga menunjukkan yang sumbangan BN Sabah dalam pilihan raya baru-baru ini diberi pengiktirafan," kata beliau dalam satu kenyataan.

Naib Presiden Parti Keadilan Nasional Marina Yusoff berkata, beliau tidak terkejut malah merasa pelik Ketua Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah tidak disenaraikan dalam barisan Kabinet baru itu.

Katanya, orang yang pernah berada di "bawah" Ku Li dalam bekas parti S46 dulu seperti Datuk Rais Yatim, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar dan Datuk Zainal Abidin Zin disenaraikan dalam Kabinet itu tetapi mengapa pula tidak Ku Li.

"Ini tamparan hebat kepada Ku Li serta menunjukkan Dr Mahathir masih berdendam dengan Ku Li," katanya kepada BERNAMA di sini.

Sementara itu Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDA) pula menyambut baik pelantikan Datuk Ong Ka Ting sebagai Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan berharap Menteri berkenaan dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor perumahan.

Pengerusi HDA Datuk Eddy Chen Lok Loi percaya Ong akan memberi idea baru kepada pertumbuhan industri perumahan walaupun sumbangan bekas Menteri Datuk Ting Chew Peh tidak dapat dinafikan.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) Kamarozaman Abdul Rahman pula berkata pelantikan Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai Menteri Belia dan Sukan bertepatan dengan portfolio yang dipegangnya dalam Umno

yang selalu terbabit dengan belia.

"Kita berharap (Datuk) Hishammuddin dapat menonjolkan pendekatan baru yang mampu menarik golongan muda untuk kembali aktif menyertai kegiatan yang dianjurkan pertubuhan belia serta sanggup melakukan kerja secara sukarela tanpa mengharapkan ganjaran," katanya ketika di hubungi hari ini.

Golongan belia memerlukan pemimpin yang sanggup "turun padang" untuk bersama-sama menjalankan kegiatan yang dianjurkan dan bukan sekadar menjadikan belia sebagai pelengkap untuk meramaikan peserta bagi setiap majlis.

Presiden Gabungan Kesatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA) Prof Hamdan Adnan berharap Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna dapat memberikan khidmat cemerlang kepada rakyat.

Beliau juga berharap Muhyiddin dapat melaksanakan Akta Perlindungan Pengguna yang baru diluluskan sebagai tugas pertamanya.

Bekas Naib Canselor Universiti Malaya Prof Datuk Dr Syed Hussein Alatas menyambut baik pelantikan Musa, rakan sejawatannya di Universiti Sains Malaysia (USM), sebagai Menteri Pendidikan.

Pelantikan itu menunjukkan yang Perdana Menteri memperakui yang sudah tiba masanya membawa para akademik untuk membantu dalam mengatasi masalah berkaitan dengan pendidikan dalam negara.

Dr Syed Hussein berkata, dalam negara-negara tertentu adalah menjadi kebiasaan untuk melantik para akademik ke jawatan Kabinet dan beliau gembira kerana Malaysia turut berbuat demikian.

-- BERNAMA

Team PR